

22 SEP 2002

Mahathir-Copenhagen

DR MAHATHIR TIBA DI COPENHAGEN UNTUK HADIRI MESYUARAT ASEM

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

COPENHAGEN, 22 Sept (Bernama) -- Perdana Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini hari ini bagi menghadiri Mesyuarat Asia-Eropah keempat (ASEM 4), di mana para pemimpin dijangka menumpukan perhatian kepada soal keganasan dan membaharui usaha bagi meningkatkan hubungan politik, kebudayaan, sosioekonomi ke tahap yang lebih tinggi.

Perdana Menteri yang diiringi Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali tiba dengan pesawat khas dari London, di Lapangan Terbang Antarabangsa Copenhagen di Kastrupp, di luar ibu kota negara Denmark itu kira-kira 11.50 pagi.

Menyambut ketibaan beliau ialah Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar, Ketua Setiausaha kementerian itu Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak, Duta Malaysia ke Sweden Datuk Syeed Sultan Seni Pakir, Duta Denmark ke Malaysia Lasse Reimann serta para pegawai Malaysia dan Denmark.

ASEM terdiri daripada 10 negara Asia iaitu China, Jepun, Korea Selatan, Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina, Singapura, Thailand, Vietnam, serta 15 negara Kesatuan Eropah dan Suruhanjaya Eropah.

Ia ditubuhkan semasa sidang kemuncak pertama di Bangkok dalam tahun 1996, diikuti sidang kemucak dua tahun sekali di London pada 1998 dan Seoul pada 2000.

Acara pertama Dr Mahathir ialah bermesyuarat dengan pemimpin negara Asia bagi menyediakan satu pendirian bersama mengenai isu yang akan dibincangkan dengan rakan Eropah mereka apabila mesyuarat bermula Isnin di Pusat Bella.

Beliau kemudian akan menghadiri majlis makan malam tidak rasmi bersama pemimpin Asia dan Eropah yang diberikan oleh Perdana Menteri Denmark Anders Fogh Rasmussen di Istana Kronborg, yang dibina semasa pemerinthaan Raja Frederik 11 pada tahun 1585.

Mesyuarat secara rasmi akan bermula esok dengan dialog politik tertutup yang akan menyentuh isu keselamatan selepas serangan 11 Sept, kerjasama ekonomi dan kewangan ekoran krisis ekonomi global, program pertukaran pendidikan serta perbincangan mengenai kebudayaan dan tamadun.

Sementara di sini, Dr Mahathir juga akan bertemu dengan masyarakat Malaysia di Denmark. Beliau akan meninggalkan Copenhagen selepas mesyuarat berakhir pada Selasa.

Vietnam telah menawarkan diri selaku tuan rumah bagi ASEM berikutnya pada 2004.

Antara yang menghadiri mesyuarat itu ialah Canselor Wolfgang Schussel dari Austria, Perdana Menteri Belgium Guy Verhostadt, Sultan Brunei Sultan Hassanal Bolkiah, Perdana Menteri China Zhu Rongji, Perdana Menteri Finland Paavo Lipponen, Presiden Perancis Jacques Chirac, Perdana Menteri Greece Constantinos Simitis, Perdana Menteri Ireland Bertie Ahern, Perdana Menteri Itali Silvio Berlusconi, Perdana Menteri Jepun Junichiro Koizumi, Presiden Korea Selatan Kim Dae-Jung, Perdana Menteri Luxembourg Jean-Claude Juncker, Perdana Menteri Portugal Jose Manuel Durao Barroso, Perdana Menteri Singapura Goh Chok Tong, Perdana Menteri Sepanyol Don Jose Maria Aznar Lopez, Perdana Menteri Sweden Goran Persson, Perdana Menteri Thailand Thaksin Shinawatra, Perdana Menteri Belanda Jan Pieter Balkenende, Perdana Menteri Vietnam Phan Van Khai dan Presiden Suruhanjaya Kesatuan Eropah Romano Prodi.

Yang tidak hadir ialah Perdana Menteri Britain Tony Blair, Presiden Filipina Gloria Arroyo dan Presiden Indonesia Megawati Sukarnoputri.

-- BERNAMA
MR MR HM